

Kerajaan sedia dengar tuntutan Cuepacs: PM

Keputusan semakan gaji bergantung keupayaan kewangan

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan mengambil sikap terbuka terhadap tuntutan Cuepacs supaya gaji kakitangan awam dinaikkan antara 10 hingga 40 peratus.

Sambil mengakui pelarasan gaji 1.2 juta kakitangan awam belum dibuat sejak lebih sedekad lalu meskipun pelbagai insentif dan kenaikan elaun diberi dari semasa ke semasa, Perdana Menteri bagaimanapun berkata, sebarang keputusan berdasarkan keupayaan kewangan negara.

"Insya-Allah kita dapat capai sesuatu yang memberi kelegaan," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 3,000 pegawai dan kakitangan awam pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketujuh (MAPPA VII) 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Sejak tahun lalu, Cuepacs meminta kerajaan meneliti permohonan menaikkan antara 10 hingga 40 peratus gaji kakitangan awam, terutama

kumpulan sokongan berikutan kos sara hidup semakin meningkat.

Pada majlis dialog secara tertutup kemudian, Abdullah menerima memorandum daripada Cuepacs berhubung tuntutan itu sebaik saja Presidennya, Omar Osman selesai bertanyakan beberapa soalan.

Selepas menerima memorandum itu, Perdana Menteri berkata, pihaknya akan mengkaji cadangan.

Acara perhimpunan itu turut disaksikan secara langsung oleh pegawai dan kakitangan awam di Sa-

“Meskipun tiada perubahan gaji sejak begitu lama, dari semasa ke semasa kerajaan memberi pelbagai elaun”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

rawak dan Sabah menerusi sidang video dari Bangunan Wisma Bapa Malaysia di Petrajaya, Kuching dan Pusat Dagangan Sabah di Kota Kinabalu.

Dalam ucapan hampir dua jam itu, Abdullah berkata, kerajaan juga mengambil kira manfaat langkah itu kepada kakitangan perkhidmatan awam.

"Meskipun tiada perubahan gaji sejak begitu lama, dari semasa ke semasa kerajaan memberi pelbagai elaun. Cuma yang belum dibuat ialah semakan gaji dan jika kita ingin berbuat demikian, kemampuan (kewangan) mesti ada," katanya.

Omar ketika dihubungi pula berkata, berdasarkan kenyataan terbaru Perdana Menteri, pihaknya yakin sesuatu yang positif akan tercapai.

"Malah, ketika majlis dialog itu, saya sudah menyatakan harapan kakitangan awam supaya berita positif ini dapat diumumkan pada 1 Mei sempena Hari Pekerja," katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu menyemak semula gaji, khususnya bagi kumpulan sokongan yang mewakili

74 peratus kakitangan awam yang tidak menikmati semakan gaji sejak 15 tahun lalu.

"Bayangkan, ramai kakitangan sokongan terpaksa melakukan kerja sampingan selepas waktu pejabat termasuk membawa teksi untuk menampung kehidupan. Jika gaji rendah, tidak mustahil mereka akan terperangkap dalam kegiatan rasuah.

"Inilah yang kita tidak mahu. Gaji rendah sekarang sudah memaksa mereka menjalankan kerja sampingan dan ini boleh menjejaskan tumpuan kepada kerjaya sebenar sebagai kakitangan awam," katanya.

Perhimpunan itu juga bersetuju dengan saranan Cuepacs bagi menubuhkan tabung bencana banjir yang akan merayu kutipan sekurang-kurangnya RM1 seorang daripada 1.2 juta kakitangan awam di seluruh negara.

Omar berkata, Cuepacs menganggarkan RM1.2 juta dapat disalurkan kepada mangsa banjir menerusi program pungutan derma sukarela yang turut disokong Abdullah pada perhimpunan itu.